

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Menjana Nilai untuk Perniagaan dengan Laman Idaman di Bukit Jelutong

- Sime Darby Property membantu mengembangkan komuniti perniagaan dengan pesat menerusi ruang komersial di perbandaran Bukit Jelutong;
- 85% daripada 35 unit pejabat kedai Laman Idaman telah ditempah sewaktu pelancaran rasminya;
- Laman Idaman dijadualkan siap menjelang 2025.

ARA DAMANSARA, 26 JUN 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) terus menyumbang kepada perkembangan perniagaan dalam perbandaran Syarikat menerusi pejabat kedai ('shop offices') Laman Idaman di Bukit Jelutong. Kadar pengambilan 85% ini membuktikan permintaan tinggi bagi unit ruang runcit dan pejabat yang berkualiti untuk ekonomi yang sedang maju.

Terletak di perbandaran Bukit Jelutong, Laman Idaman menyediakan keterlihatan tiada tandingan dari Persimpangan Lebuhraya Koridor Guthrie-Bukit Jelutong yang memastikan trafik tinggi dan aliran pelanggan tetap. Laman Idaman juga mudah diakses menerusi dua laluan masuk dan keluar serta mempunyai 264 ruang letak kereta berhadapan kedai. Tanjakan dan tempat letak kereta khas bagi golongan yang memerlukan juga ada disediakan.

Dengan enam saiz lot daripada 22' x 70' hingga 40' x 70' dan keluasan binaan seluas 3,079 kaki persegi hingga 6,914 kaki persegi, pejabat kedai dua and tiga tingkat Laman Idaman direka untuk menawarkan ruang terbuka yang berfungsi dengan tingkap yang besar, membolehkan perniagaan memaksimumkan penjenamaan dan paparan produk untuk menarik perhatian pelanggan. Harga untuk Laman Idaman bermula daripada RM1.69 juta.

“Komuniti perniagaan kini semakin arif. Ruang runcit dan pejabat berkualiti di lokasi-lokasi utama mendapat permintaan tinggi demi pertumbuhan dan kejayaan perniagaan dalam jangka masa yang panjang. Sejajar dengan matlamat Syarikat sebagai pengganda nilai kepada masyarakat, perniagaan, ekonomi dan planet, Sime Darby Property menyediakan keterlihatan maksimum dan seterusnya membuka ruang untuk pertumbuhan ekonomi dan pertambahan pekerjaan,” kata Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran, Appollo Leong.

Ruang komersial Laman Idaman merupakan destinasi ideal untuk komuniti berkerja, tinggal dan bermain. Pembangunan ini terletak bersebelahan dengan 1,260 unit Idaman Apartment dan bakal mempunyai 131,000 jumlah penduduk di Bukit Jelutong yang tersedia menjelang 2025.

Dengan warisan selama 28 tahun, Bukit Jelutong dikenali sebagai pameran landskap kejiranan dan perancangan perbandaran yang baik. Ia dikelilingi kehijauan sepanjang 2,200 ekar tanah pegangan bebas utama, dilengkapi dengan Hutan Simpan Bukit Cherakah. Selain daripada

Lebuhraya Koridor Guthrie, Bukit Jelutong mempunyai rangkaian jalan yang cemerlang dan lebuhraya utama yang lain termasuk Lebuhraya Baru Lembah Klang, Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah dan Lebuhraya Persekutuan.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards'. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai 'EdgeProp Malaysia's Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021', serta pemenang bagi anugerah 'Building Trust Awards 2021' PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com